

22 DEC 2002

Mesyuarat-Mahathir/I

DR MAHATHIR TIBA UNTUK MESYUARAT TIDAK RASMI DENGAN KABINET THAI

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

HAADYAI, 22 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengetuai rombongan menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan Malaysia, tiba di sini hari ini untuk mengadakan mesyuarat separuh hari tidak rasmi dengan rakan sejawatannya Thaksin Shinawatra serta kabinet Thai untuk menyelesaikan isu-isu tertunggak dan membincangkan rancangan baru yang mempunyai kepentingan bersama.

Ketibaan Dr Mahathir di JB Hotel di sini - venue bagi mesyuarat itu - disambut oleh Thaksin pada 11.10 pagi (waktu Thailand) selepas perjalanan satu jam dari Pusat Pemeriksaan Sempadan Sadao-Bukit Kayu Hitam, 56km selatan sini di mana Menteri Luar Thai Dr Surakiart Sathirathai menyambut ketibaan rombongan Malaysia.

Pegawai-pegawai berkata mesyuarat itu dijangka memberi tumpuan kepada isu-isu dua hala, perkara berkaitan sempadan dan strategi ekonomi.

Setiba di Haadyai, Dr Mahathir dan Thaksin menyampaikan kata-kata aluan ringkas sebelum mengadakan pertemuan empat mata secara berasingan. Mereka kemudian akan menyertai para menteri dalam satu jamuan tengah hari sambil bermesyuarat.

Pegawai-pegawai berkata walaupun tiada agenda bagi mesyuarat tidak rasmi itu, kedua-dua kerajaan dijangka memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai bagaimana membawa keamanan di sempadan Thai-Malaysia serta membawa kegembiraan kepada rakyat kedua-dua negara.

Isu-isu lain adalah merangkumi hubungan merentasi sempadan, keganasan dan ekonomi terutamanya cadangan projek saluran paip Thai-Malaysia yang menghadapi bantahan para penduduk kampung serta ahli alam sekitar yang mendakwa projek itu boleh mencemarkan kampung dan kolam ikan.

Kedua-dua kerajaan itu berkata bahawa projek memasang saluran paip sepanjang 366km itu dengan kos AS\$700 juta dari Teluk Siam di Thailand ke Malaysia akan menyediakan pekerjaan ke wilayah itu dan membantu membekalkan gas ke Semenanjung Malaysia.

Pada Jumaat, kira-kira 1,000 orang mengadakan demonstrasi di luar JB Hotel di tengah Haadyai sambi menggesa kerajaan untuk membatalkan projek itu yang memaksa polis bertindak apabila mereka semakin tidak bolehj dikawal.

Semalam, Menteri Tenaga Thai Phongthep Thepkhanjana berkata kerajaan Thai bersedia mendengar pandangan orang ramai mengenai projek itu walaupun sukar memuaskan hati semua pihak dalam melaksanakannya.

-- BERNAMA

MFJ AZH RV NAK